

Lelaki mengaku tidak bersalah atas pertuduhan cubaan membunuh



NAFI BERSALAH: Billy (kiri) diiringi keluar dari Mahkamah Sesyen SibU semalam.

SIBU: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan cubaan membunuh dengan melepaskan tembakan ke arah seorang pemuda berusia 29 tahun, awal tahun ini.

Tertuduh, Billy Harris Wee, 25, membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Marutin Pagan.

Billy kemudiannya dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM7,000 berserta dua penjamin yang beralamat tetap di SibU, selain

melaporkan diri di Balai Polis Pusat SibU setiap bulan.

Mahkamah kemudian menetapkan 3 September ini sebagai tarikh bagi pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan, Billy didakwa bersubahat dengan dua suspek lain berusia 21 dan 32 tahun yang masih bebas untuk melepaskan tembakan ke arah seorang pemuda berusia 29 tahun, yang mana perbuatan mereka itu boleh menyebabkan kematian mangsa.

Mereka didakwa melakukan

kesalahan itu di sebuah premis makan di Jalan Wong King Huo pada 1 Januari 2024, kira-kira jam 5.41 petang, menyebabkan mangsa mengalami kecederaan akibat terkena tembakan.

Bagi pertuduhan itu, Billy yang diwakili peguam Ranbir Singh dan Alexander Ling didakwa di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 109 Kanun yang sama.

Seksyen 307 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan juga denda dan sekiranya melibatkan kecederaan,

boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun jika sabit kesalahan.

Pada 3 Julai lepas, pihak polis telah menahan empat suspek termasuk tertuduh di sekitar bandar ini, selain seorang lagi suspek di Johor pada 4 Julai berkaitan kes melepaskan tembakan ke arah sekumpulan lelaki pada awal tahun ini.

Empat suspek lain yang diwakili peguam Boston Ho dan Daniel Ling, dibebaskan dengan ikat jamin antara RM10,000 dan RM15,000 berserta seorang penjamin, selain dijadikan saksi pihak pendakwa.